

PERATURAN PEMARKAHAN PENDIDIKAN ISLAM 1223/1
PERCUBAAN SPM 2021
PPC 2

Soalan			Jawapan	Pemarkahan
1	(a)	(i)	<p>Maksud menjauhi perbuatan yang sia-sia:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menjauhan diri daripada perbuatan dan perkataan yang tidak mendatangkan faedah (1m) atau perkataan yang merosakkan akhlak (1m). 	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	<p>Dua ciri mukmin yang berjaya selain menjauhi perbuatan yang sia-sia:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Beriman kepada Allah SWT. - Khusyuk dalam solat. - Menunaikan zakat. - Menjaga kehormatan diri. - Menjaga amanah dan janji. - Memelihara solat. 	2 isi x 1m = 2m
		(iii)	<p>Dua akibat salah laku seksual:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menggugat keharmonian hidup masyarakat. - Mencetuskan pelbagai perbuatan jenayah. - Terdedah kepada penyakit fizikal seperti AIDS dan SIFLIS. - Menyebabkan gangguan emosi dan mental. - Menyebabkan keruntuhan institusi kekeluargaan. - Hilang kelayakan dalam mewarisi harta pusaka bagi anak tidak sah taraf. 	2 isi x 1m = 2m
		(v)	<p>Pengajaran daripada ayat:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kita hendaklah meningkatkan keimanan kepada Allah (1m) agar mendapat balasan syurga di akhirat kelak (1m) - Kita hendaklah solat dengan khusyuk (1m) agar menjadi hambaNya yang bertaqwa. - Kita hendaklah menjaga kehormatan diri (1m) supaya terpelihara daripada maksiat (1m). 	2 isi x 2m = 4m
	(b)	(i)	<p>Maksud berdikari ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Berusaha sendiri (1m) dan tidak bergantung pada bantuan orang lain (1m). 	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	<p>Dua konsep berdikari ialah:</p>	2 isi x 1m = 2m

			<ul style="list-style-type: none"> - Meyakini kemampuan diri melaksana ssesuatu tugas. - Berusaha dengan bersungguh-sungguh. - Menggunakan potensi diri yang dikurniakan oleh Allah SWT. - Membebaskan diri daripada bergantung kepada pihak lain. 	
		(iii)	<p>Dua kelebihan berdikari ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menjadikan Islam dipandang tinggi. - Mendapat sumber pendapatan yang diyakini halal. - Melahirkan modal insan yang berkepakaran tinggi. - Memperkasakan daya saing masyarakat. 	2 isi x 1m = 2m
		(iv)	<p>Berdikari dapat memupuk keyakinan diri</p> <p>Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas.</p> <p>Cadangan isi:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Berdikari bermaksud seseorang itu mempunyai kebolehan dan kesanggupan melakukan sesuatu tanggungjawab dengan sendiri. <p>Cadangan jawapan:</p> <p>Berdikari bermaksud seseorang itu mempunyai kebolehan dan kesanggupan melakukan sesuatu tanggungjawab dengan sendiri (1m). Hal ini kerana dapat melakukan sesuatu tanpa bergantung pada orang lain (1m). Dengan ini akan dapat memberi memberi peluang untuk mengembagan potensi diri (1m). Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa berusaha memajukan diri sendiri agar hidup berjaya di dunia dan di akhirat (1m).</p>	<p>4 x 1m = 4m</p> <p>Isi=1m Huraian=1m Huraian Lengkap=1m Kesimpulan= 1m</p>
2	(a)	(i)	<p>Maksud Allah SWT al-Jabbar ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Berkuasa (1m) secara mutlak untuk melakukan segala kehendakNya (1m). 	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	<p>Dua kefahaman mengenai Allah SWT bersifat al-Jabbar:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Allah SWT memiliki dan menguasai seluruh 	2 isi x 1m = 2m

		<p>alam. Semua makhluk berada dalam pemerintahan Allah SWT.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Allah SWT tidak boleh dipersoalkan perbuatannya. Setiap perbuatan Allah SWT mengandung hikmah tersembunyi. - Manusia wajib bersifat merendah diri kerana Allah SWT akan mencampakkan hambanya yang bersifat sombong dan bongkak ke dalam neraka jahanam. 	
(b)	(i)	<p>Maksud iman terbatal melalui perbuatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Melakukan perbuatan atau amalan yang jelas menunjukkan kekufuran. 	1 isi x 2m = 2m
	(ii)	<p>Dua contoh perbuatan yang boleh membatalkan iman:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sujud kepada berhala atau makhluk dengan sengaja. - Meletakkan peralatan agama lain atau memberikan penghormatan kepadanya. - Melakukan upacara ibadat lain. - Mengoyak mushaf al-Quran. - Meletakkan ayat-ayat suci al-Quran, hadis Nabi, nama-nama Allah, nama-nama rasul, malaikat dan buku-buku agama di tempat yang tidak sesuai dengan tujuan menghina atau merendah-rendahkannya. 	2 isi x 1m = 2m
	(iii)	<p>Berikan hujah anda mengapakah perbuatan tersebut merupakan kezaliman yang besar kepada individu yang terlibat.</p> <p>Cadangan isi:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Merupakan faktor kebinasaan seseorang. - Menyebabkan terbatalnya iman seseorang. <p>Cadangan jawapan:</p> <p>Perbuatan syirik mencampakkan individu dalam kebinasaan (1m) kerana melakukan dosa besar yang tidak diampunkan oleh Allah SWT (1m) . Hal yang demikian menyebabkan terbatalnya iman dan terkeluar daripada Islam (1m). Kesimpulannya, kita hendaklah menjauhi diri daripada perbuatan-perbuatan yang boleh merosakkan iman supaya terhindar daripada kemurkaan Allah SWT (1m).</p>	<p>4 x 1m = 4m</p> <p>Isi=1m Huraian=1m Huraian Lengkap=1m Kesimpulan= 1m</p>
(c)	(i)	<p>Latar belakang golongan Muktazilah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kumpulan yang diasaskan oleh Wasilbin 	1 isi x 2m = 2m

			Ata'setelah berlaku perbezaan pendapat antara beliau dengan guru beliau Hasan al-Basri (1m) tentang kedudukan pelaku dosa besar (1m).	
		(ii)	<p>Dua prinsip utama aliran Muktazilah yang bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menafikan sifat ma'ani pada zat Allah SWT. - Meyakini manusia bertanggungjawab sepenuhnya atas perbuatan mereka samada baik atau buruk tanpa ditentukan oleh Allah SWT. - Meyakini Allah SWT wajib memberi balasan baik kepada orang yang taat dan ancaman azab kepada orang yang melakukan maksiat. - Meyakini pelaku dosa besar berada pada satu kedudukan antara mukmin dan kafir dan mereka kekal di dalam neraka. - Meyakini bahawa menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran wajib ditegakkan dalam apa keadaan sekalipun. 	2 isi x 1m = 2m
		(iii)	<p>Dua kepentingan berpegang dengan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mendapat keredaan Allah SWT (1m) kerana mengikut ajaran al-Quran dan as-Sunnah (1m). - Menjadi asas penerimaan sesuatu amalan (1m) kerana mengikut perintah Allah SWT (1m). - Memelihara kesucian agama Islam (1m) agar terhindar daripada kesesatan (1m). - Menjamin keamanan negara (1m) agar rakyat hidup dalam keadaan yang harmoni (1m). - Mengelak umat Islam daripada terjebak dengan ajaran sesat (1m) agar aqidah terpelihara (1m). - Membersihkan akidah daripada sebarang bentuk kekeliruan (1m) supaya terhindar daripada kemurkaan Allah SWT (1m). - Menghindari umat Islam daripada fahaman yang melampau(1m) supaya sentiasa tetap berada di jalan Allah SWT(1m). 	<p>2 isi x 2m = 4m</p> <p>Isi=1m Huraian=1m</p>
3	(a)	(i)	<p>Maksud solat sunat dhuha:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Solat sunat yang dilakukan pada waktu antara naik matahari selepas syuruk (1m) hingga sebelum gelincir matahari (1m). 	1 isi x 2m =2m
		(ii)	Hukum menunaikan solat sunat dhuha:	1 isi x 1m =1m

		<ul style="list-style-type: none"> - Sunat muakkad 	
	(ii)	<p>Dua hikmah menunaikan solat sunat dhuha:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mendekatkan diri kepada Allah SWT (1m) bagi meraih kasih sayangNya (1m) - Membuktikan ketaatan kepada Allah SWT (1m) dalam beribadah (1m) - Mendapat rahmat dan rezeki daripada Allah SWT (1m) kerana sentiasa melakukan suruhanNya (1m) <p>Catatan: -Mana-mana jawapan munasabah diterima.</p>	<p>2 isi x 2m =4m</p> <p>Isi= 1m Huraian = 1m</p>
(b)	(i)	<p>Dua hukuman kesalahan jenayah dalam Islam:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Hudud - Qisas - Takzir 	2 isi x 1m =2m
	(ii)	<p>Hukuman bagi kesalahan jenayah berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Minum arak : Sebat 40 kali - Mencuri : Potong tangan / Memulangkan barang yang dicuri - Qazaf : Sebat 80 kali / Tidak diterima sebagai saksi 	3 isi x 1m =3m
	(iii)	<p>Hikmah hukuman jenayah dalam Islam:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menegakkan keadilan dalam kehidupan manusia (1m) agar masyarakat hidup sejahtera (1m) - Menjamin keselamatan, kestabilan dan kedamaian (1m) agar masyarakat dan negara maju dan aman damai (1m) - Merencanakan pertumbuhan ekonomi tanpa bimbang (1m) kepada sebarang rampasan dan jenayah (1m) - Mendidik dan menghukum sebarang kesalahan dan maksiat yang dilakukan (1m) supaya mendapat keredaan Allah SWT (1m) <p>Catatan: -Mana-mana jawapan munasabah diterima.</p>	<p>2 isi x 2m =4m</p> <p>Isi= 1m Huraian = 1m</p>
	(iv)	<p>Mengapakah remaja sekarang mudah terjerumus dengan aktiviti minum arak. Huraikan pendapat anda.</p>	4 x 1m = 4m

			<p>Cadangan isi:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengaruh rakan yang buruk akhlaknya. - Perasaan ingin mencuba. <p>Cadangan jawapan:</p> <p>Berkawan dengan rakan yang buruk akhlaknya (1m) sehingga terpengaruh dengan budaya hidup rakan tersebut (1m). Kesannya, dia sukar untuk menjauhkan diri daripada amalan negatif itu (1m). Kesimpulannya, kita hendaklah memilih rakan yang baik agar terhindar daripada perbuatan yang tidak baik (1m).</p>	<p>Isi=1m Huraian=1m Huraian Lengkap=1m Kesimpulan= 1m</p>
4	(a)	(i)	<p>Maksud Khulafak al-Rasyidin ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tampuk kepimpinan dipegang oleh empat khalifah (1m) selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW pada 632 M @11 Hijrah (1m). 	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	<p>Dua ciri kepimpinan Khulafak al-Rasyidin di bawah pemerintahan Umar al-Khattab:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tegas - Cekap - Adil - Berfikiran terbuka 	2 isi x 1m = 2m
		(iii)	<p>Saidina Ali memiliki ketinggian ilmu dalam pelbagai bidang.</p> <p>Sebagai seorang murid, bincangkan tindakan yang perlu dilakukan untuk berjaya dalam pelajaran.</p> <p>Cadangan isi:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menguasai ilmu yang dipelajari. - Mengkaji sesuatu ilmu yang baharu. <p>Cadangan jawapan:</p> <p>Menguasai ilmu yang dipelajari (1m) dengan cara mengulangkaji setiap mata pelajaran dengan berterusan (1m) contohnya membentuk jadual waktu yang betul untuk mengulangkaji sepenuhnya (1m). Kesimpulannya seseorang hendaklah berjihad dalam menuntut ilmu agar kejayaan dapat dicapai (1m).</p>	<p>4 x 1m = 4m</p> <p>Isi=1m Huraian=1m Huraian Lengkap=1m Kesimpulan= 1m</p>
	(b)	(i)	<p>Dua orang khalifah kerajaan Umayyah yang terkenal ialah:</p>	2 isi x 1m = 2m

		<ul style="list-style-type: none"> - Muawiyah bin Abi Sufian - Abdul Malik bn Marwan - Al-Walid bin Abdul Malik - Umar bin Abdul Aziz 	
		<p>(ii) Dua faktor kemerosotan kerajaan umaiyah dari aspek sosial:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sikap taksub antara kabilah arab utara dan selatan sehingga mencetuskan perpecahan dan gerakan sulit. - Sikap diskriminasi sebahagian khalifah terhadap golongan mawali seperti bangsa Turki dan Barbara dalam pemilihan jawatan gabenor. 	2 isi x 1m = 2m
		<p>(iii) Dua iktibar daripada pemerintahan kerajaan Umaiyyah yang boleh diberikan sebagai pengajaran pada kita hari ini:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kita hendaklah memartabatkan ajaran al-quran dan as-Sunah dalam urusan kepimpinan (1m) agar syariat Islam dapat ditegakkan (1m). - Kita hendaklah mencontohi sifat2 mulia yang ada pada khalifah Islam (1m) seperti zuhud, tegas, berilmu dan bijaksana (1m). - Kita hendaklah menjaga hubungan baik antara pemimpin dengan rakyat (1m) agar hidup harmon (1m). - Kita hendaklah menjaga kebajikan sesama rakan (1m) agar meneratkan kasih sayang (1m). - Kita hendaklah memiliki semangat jihad yang tinggi (1m) dalam mempertahankan kedaulatan negara (1m). - Kita hendaklah berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan (1m) agar dapat memberi sumbangan kepada umat islam (1m). 	2 isi x 2m = 4m
	(c)	<p>(i) Dua hasil karya Ahmad bin Ibrahim yang terkenal dan menjadi rujukan terkini:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Buku Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia. - Pelopor Jurnal Hukum. - Menghasilkan buku-buku berkaitan undang-undang di Malaysia seperti Sistem Undang-Undang Malaysia dan Islamic Law in Malaysia 	2 isi x 1m = 2m
		<p>(ii) Dua contoh ketinggian akhlak Ahmad bin Ibrahim:</p>	2 isi x 1m = 2m

			<ul style="list-style-type: none"> - Suka menyebarkan ilmu. - Menjaga etika keadilan ketika mengendalikan kes perbicaraan. 	
5	(a)	(i)	<p>Maksud raja’;</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengharapkan keredhaan Allah dengan melaksanakan segala perintahnya 	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	<p>Contoh raja’ yang diamalkan oleh Rasulullah SAW:</p> <ul style="list-style-type: none"> -Rasulullah SAW mendirikan solat gerhana matahari dengan khusyuk, pada sujud terakhir baginda merintah dan merayu agar Allah tidak mengazab umatnya dan menerima doanya. -Memohon doa kepada sahabat yang sakit menderita dan mohan rahmat dari Allah agar menerima doa dan memberikan apa yang diharapkan dan menyelamatkannya dari apa-apa yang ditakutinya. 	2 isi x 1m = 2m
		(iii)	<p>Dua konsep khauf dan raja' yang seimbang:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Perasaan takut kepada Allah (1m) hendaklah diiringi dengan tindakan yang selari dengan syarak (1m). - Seorang yang mengharapkan keredhaan Allah (1m) hendaklah melakukan amal ibadat dan menjauhi perbuatan maksiat (1m). - Ganjaran syurga dapat menjadi motivasi (1m) untuk seseorang itu mendekati diri kepada Allah (1m). - Perasaan takut kepada neraka (1m) akan menjadikan benteng daripada perbuatan maksiat. (1m) - Perasaan raja’ akan mendorong seseorang untuk melakukan ibadat (1m) tanpa putus asa terhadap rahmat Allah SWT (1m) 	2 isi x 2m =4m Isi= 1m Huraian = 1m
	(b)	(i)	<p>Maksud sifat mazmumah ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sifat dan tingkah laku keji (1m) yang berlawanan dengan syarak (1m). 	1 isi x 2m = 2m
		(ii)	<p>Dua sifat mazmumah yang perlu dihindari mengikut pandangan Imam Ghazali:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Banyak makan dan minum - Banyak berkata yang sia-sia - Pamarah 	2 isi x 1m = 2m

			<ul style="list-style-type: none"> - Hasad dengki - Kasih pada harta - Mencintai harta dan pangkat - Hati yang terpaut pada dunia - Bersikap sombong (takbur) - Bangga diri (ujub) - Menunjuk-nunjuk (riyak) 	
		(iii)	<p>Dua cara meninggalkan sifat mazmumah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sentiasa mengamalkan sifat mahmudah dan menjauhi sifat mazmumah (1m) agar hidup sejahtera (1m). - Sentiasa muhasabah diri (1m) agar terhindar daripada sifat mazmumah (1m). - Sentiasa mengawal keinginan nafsu yang suka akan kemegahan dunia (1m) seperti harta, pangkat dan jawatan (1m). - Sentiasa berzikir kepada Allah SWT untuk menyucikan jiwa (1m) seperti beristighfar dan bertasbih (1m). 	<p>2 isi x 2m =4m</p> <p>Isi= 1m Huraian = 1m</p>
		(iv)	<p>Berdasarkan hadis, huraikan hujah anda.</p> <p>Cadangan isi:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Permulaan hati yang kotor. - Sifat yang boleh memudaratkan manusia. <p>Cadangan jawapan:</p> <p>Sifat hasad merupakan permulaan hati umat Islam semakin kotor (1m) kerana tidak bersyukur dengan kurniaan Allah SWT kepadanya (1m). Hal ini akan menjadikan seseorang sukar menerima nasihat dan teguran (1m). Oleh itu, kita hendaklah berwaspada dengan sifat mazmumah agar tidak mendapat azab di akhirat kelak (1m).</p>	<p>4 x 1m = 4m</p> <p>Isi=1m Huraian=1m Huraian Lengkap=1m Kesimpulan= 1m</p>

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT